

26 JAN 1997

Samy-India

SAMY VELLU KE INDIA RUNDING PROJEK LEBUH RAYA

KUALA LUMPUR, Jan 26 (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu akan berlepas ke India esok bagi mengadakan rundingan peringkat akhir dengan pihak berkuasa India mengenai usaha syarikat Renong Berhad untuk mendapatkan kontrak projek pembinaan lebuhraya Bangalore-Mysore bernilai AS\$250 juta (RM625 juta).

Renong telah mengemukakan cadangan untuk projek penswastaaan lebuhraya sepanjang 120km itu untuk dipertimbangkan oleh kerajaan negeri Karnataka.

Lawatan menteri itu ialah sebagai susulan kepada lawatan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke India penghujung tahun lepas, setiausaha akhbar Samy Vellu, S.Ganapathy hari ini berkata.

Beliau akan mengetuai delegasi 10 orang termasuk Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia Datuk Chua Soon Toh dan pegawai kanan Renong.

Samy Vellu akan mengadakan rundingan dengan Ketua Menteri Karnataka J.H.Patel mengenai projek lebuhraya itu selain melawat tapak yang dikenal pasti untuk projek bagi meninjau bilangan kenderaan yang bakal menggunakannya.

Samy Vellu juga dijangka membincangkan cadangan penswastaaan bekalan air di bandar raya Bangalore dengan menteri berkenaan, Anand Nat.

Beliau kemudiannya akan berlepas ke New Delhi untuk menyampaikan ucapan pada satu persidangan antarabangsa bertajuk "Mengelak Bencana Alam di Lebuhraya" anjuran Persatuan Kongres Lebuhraya Antarabangsa.

Samy Vellu akan berucap mengenai pengalaman Malaysia dalam menangani bencana alam, kata Ganapathy.

Semasa di ibu negara India itu, Samy Vellu juga dijangka menemui Menteri Kewangan India P.Chithambaram.

Beliau dijadual pulang pada 30 Jan. -- BERNAMA

ES MZ MAI